

03/10/2000

Umno perlu seimbangkan kekuatan politik, ekonomi

Abdul Razak Jaafar

KEMANTAPAN politik memainkan peranan penting bagi kemajuan ekonomi sesuatu masyarakat atau bangsa. Nabi Muhammad s.a.w sendiri berusaha sedaya-upaya memantapkan politik umat Islam bagi memajukan bidang ekonomi dan usaha baginda memang terbukti berjaya.

Sayangnya pada masa ini kemantapan politik umat Islam agak goyah seperti apa yang berlaku di benua Arab hingga menyebabkan ekonomi umat Islam tidak menampakkan kecemerlangan.

Dalam skop Malaysia, kemantapan politik yang diterajui oleh Umno adalah pentas bagi kemajuan ekonomi orang Melayu. Sejak mencapai kemerdekaan pada 1957 sehinggalah ke hari ini, Umno masih lagi berusaha memajukan ekonomi orang Melayu dan pacuannya begitu dirasakan sejak berlaku sejarah hitam 13 Mei 1969 dan seterusnya dilaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kini Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Pemimpin Umno pelbagai peringkat amat sedar bahawa orang Melayu yang kurang maju dari segi sumbangan ekonominya, menjadi pencabar kepada kemantapan politik orang Melayu sendiri, khasnya kepada Umno.

Sebab itulah Umno perlu menseimbangkan kekuatan politik dengan kekuatan ekonomi kerana kekuatan politik semata-mata tidak menjamin kemakmuran ekonomi orang Melayu.

Salah satu inspirasi atau penggerak kepada kemajuan ekonomi ialah melahirkan ramai tokoh korporat yang berjaya, terutama daripada mereka yang mempunyai jati diri tersendiri yang telah diberikan kesempatan dan menggunakan sumber jati diri mereka untuk maju setelah menempuh berbagai dugaan.

Bercakap mengenai kesempatan, ia termasuk kesempatan yang disokong oleh kepimpinan Umno, baik pada peringkat bahagian, negeri mahupun peringkat tertinggi.

Berkat daripada sokongan berkenaan, rakyat, terutama ahli Umno amnya, sudah melihat sendiri kebangkitan agak ramai tokoh korporat Melayu, baik secara langsung maupun tidak langsung, yang berjaya atas dorongan, sokongan dan kesempatan yang diberikan oleh Umno.

Oleh itu, dalam nada yang berbaur antara kebanggaan dan kebangsaan, Umno mengharapkan tokoh korporat yang berjaya - sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada pelaksanaan DEB atau DPN khasnya dan ekonomi Malaysia amnya - menghargai kesempatan yang diberikan oleh parti itu agar dapat pula menyebarkan kemakmuran yang dikecapi itu kepada kemajuan Umno yang lebih baik dan berkesan.

Soalnya, apakah hasrat ini sudah tercapai?

Sudah acapkali juga beberapa pemimpin parti, termasuk Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bercakap secara langsung atau tidak langsung yang menyentuh peranan yang sewajarnya dimainkan oleh tokoh korporat Melayu kepada pembangunan Umno khasnya dan bangsa Melayu amnya.

Suara hati ini beberapa kali disampaikan pada Perhimpunan Agung Umno serta pelbagai majlis lain.

Kadangkala terdengar juga cerita bagaimana tokoh-tokoh korporat ini cuba bermain-main dengan politik Umno pada peringkat cawangan dan bahagian.

Tetapi entah bagaimana atas sebab-sebab yang tidak diduga, maka tokoh-tokoh ini kurang mendapat perhatian ahli peringkat cawangan dan bahagian, yang menyebabkan mereka merajuk dan tidak mahu menjadikan organisasi mereka yang berjaya itu sebagai payung kepada kemajuan Umno.

Rencana pendek ini sekadar suatu pengenalan yang mengajak kepada semua

pihak yang terbabit - dari yang setinggi-tingginya dalam organisasi Umno hinggalah pada peringkat menteri, ketua perhubungan, ketua bahagian dan cawangan - supaya dapat memikirkan bagaimana untuk menarik lebih ramai tokoh korporat Bumiputera yang kebanyakannya wujud hasil daripada DEB, untuk diajak duduk semeja membincangkan wacana Umno itu sendiri.

Apa yang terjadi ialah seolah-olah ada suatu jurang di antara kepemimpinan Umno dengan kepemimpinan korporat dalam menjayakan manifestasi memartabatkan bangsa Melayu melalui Umno.

Di satu pihak, Umno sendiri sering mengungkit bahawa tokoh-tokoh korporat Bumiputera yang berjaya masa kini adalah hasil perjuangan Umno dan mengharap budi berbalas.

Sebaliknya, kumpulan korporat pula menyatakan bahawa mereka tidak boleh terbabit secara langsung kerana khuatir dianggap bersandarkan kepada sokongan politik dan bukannya kejituan urusan niaga apabila mendapat projek besar.

Jadi, mereka bergerak melalui aktiviti-aktiviti perhubungan awam, sosial, budaya, sukan dan sebagainya.

Kalau demikian keadaannya, maka hubungan Umno dengan tokoh korporat Melayu adalah dalam keadaan baik.

Tetapi soal sensitif ini bukan begitu mudah dibuat penafsiran kerana ada juga suara dari dalam organisasi Umno sendiri yang mengatakan bahawa kumpulan korporat yang dihasilkan oleh Umno itu tidak mahu membantu, memaling muka dari Umno sendiri, malah sampai pada peringkat memusuhi parti berkenaan.

Mereka inilah yang dikisahkan sebagai tidak ubah seperti 'kacang lupukan kulit'.

Sekiranya andaian berkenaan berlaku, maka keruhlah perhubungan yang sewajarnya putih jernih itu.

Susunan itu, maka kedua-dua pihak perlulah merapatkan semula barisan dan berbincang dari hati ke hati. Ini adalah suatu hal yang penting kerana keutuhan politik semata-mata tanpa disokong oleh kekuatan dan kewibawaan ekonomi, tidak akan boleh mewujudkan bangsa Melayu yang disegani.

Memang benar pemimpin politik Umno yang juga kadangkala aktif dalam kegiatan ekonomi agak sering mengetuk pintu pejabat tokoh korporat Bumiputera untuk berbincang tentang sesuatu 'projek'.

Malangnya apabila 'projek' ini gagal, tokoh politik itu pula tidak berupaya membayar hutangnya dan ini pastilah menyusahkan tokoh korporat terbabit ketika berhadapan dengan ahli-ahli lembaga pengarahnya.

Ada juga tokoh korporat yang agak keberatan membantu, bukan kerana takut hutang tidak dibayar, tetapi lebih pada pandangan peribadinya yang kurang sehaluan dengan perjalanan misi dan visi Umno itu sendiri, bahkan agak mirip kepada parti lain.

Keadaan yang sebegini rupa juga adalah beberapa unsur dan sumber yang perlu dibincang bersama kerana yang penting bukannya antara politik dan perniagaan tetapi antara jatuh bangun dan masa depan orang Melayu dalam bidang politik dan ekonomi supaya dapat dijalinan keseimbangan agar generasi kita yang akan datang dapat menumpang rahmatnya.

Umno sebagai sebuah organisasi politik yang besar dan sudah wujud sejak sekian lama di negara ini, tidak seharusnya menumpukan terlalu banyak perhatian kepada agenda politik semata-mata.

Sewajarnya kesan ekonomi juga diberikan perhatian serius, tambahan pula pertumbuhannya ke arah melahirkan lebih ramai tokoh korporat Bumiputera yang berjaya, belum lagi begitu menonjol dan boleh dibanggakan.

Bagaimanapun, budi Umno menjayakan wadah politik dan ekonomi anak bangsa, tidak boleh dilupakan oleh sesiapa jua, termasuk tokoh-tokoh korporat Bumiputera masa lalu, masa kini dan masa akan datang.

Dalam saat kewibawaan rakyat Malaysia begitu tercabar, terutama dagangan

luar tanpa batasan, kekuatan politik orang Melayu melalui Umno saja tidak mencukupi bagi menghadapinya dan dari itu kekuatan ekonomi juga perlu dimantapkan dari sekarang.

Salah satu pacuan supaya ekonomi orang Melayu dapat bergerak lebih pantas ialah melalui sumbangan tokoh korporat Bumiputera tanpa perlu terlalu bersandarkan kepada kekuatan politik orang Melayu sendiri.

Seandainya tokoh politik dan ekonomi sedar tanggungjawab masing-masing dan saling membantu bagai aur dengan tebing, maruah masa depan orang Melayu akan mendapat penghormatan lebih tinggi.

(END)